



KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

**Karung Berkunci 1200
75450 Ayer Keroh
Melaka**

TEL: 606-2332266

FAX: 606-2332277

PEJABAT BENDAHARI

Ruj. Kami (Our Ref.) : KUTKM.03/10.12/2(1)

10 Mei 2002

Ruj. Tuan (Your Ref.) :

Semua Staf
Pejabat Bendahari
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan

Assalamualaikum wrt. wbt.,

Saudara,

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN PEJABAT BENDAHARI BIL. 1/2002
-DOA PERMULAAN KERJA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Dalam menunaikan tugas seharian, kita digalakkan memohon ke hadrat Allah agar diberkati segala usaha. Semoga kita sentiasa dikurniakan rahmat dan peningkatan iman serta perlindungan dari sebarang musibah.

Atas kesedaran ini, yang juga selaras dengan usaha kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam di kalangan kakitangan kerajaan, maka Pejabat Bendahari telah mengedarkan 2 *Doa Permulaan Kerja*.

Doa Permulaan Kerja sebaiknya dibaca oleh semua staf pada setiap pagi sebelum memulakan tugas. Walaubagaimanapun setiap hari **Isnin jam 8.00 pagi** semua staf dikehendaki berkumpul di Pejabat Bendahari untuk sama-sama membaca doa yang akan diketuai oleh seorang staf secara giliran seperti jadual di bawah:

20 Mei 2002	03 Jun 2002	10 Jun 2002	17 Jun 2002	24 Jun 2002
En.Bakri Abu Bakar	En.Badrul Hisham Jamal	En.Rasip Affendy Aripin	En.Muhd.Rashdan Muhammad	En.Zamani Salleh

DOA PERMULAAN KERJA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى الْمُبْعُوثِ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Segala pujian hanya untuk Allah, Selawat dan Salam ke atas pembawa hidayah keseluruhan alam, kepada keluarga dan sahabat-sahabat baginda serta mereka yang meneruskan risalah Islam sehingga ke hari qiamat.

Ya Allah, pada pagi yang mulia ini, kami memulakan kerja kami dengan Bismillah, semoga Engkau restui kehidupan kami, Engkau bahagiakan keluarga kami, tingkatkanlah iman dan taqwa kami, tambahkanlah ibadah dan hiasilah diri kami dengan akhlak dan peribadi mulia.

Eratkan perhubungan Silaturahmi kami, bersihkan jiwa kami dari sifat dengki, berpura-pura, ria, takbur, malas dan tidak jujur. Pupukkan rasa kasih kami kepada isteri, anak-anak, keluarga dan rakan-rakan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

Ya Allah, berikanlah kebaikan buat kami di dunia dan di akhirat, serta jauhilah kami dari kesengsaraan api neraka.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَسَلَّمَ . وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .